

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI**  
**KAWASAN : IGAN**  
**TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN NO. 11**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan status semasa perkembangan Projek Pan Boneo Sarawak. Apakah usaha yang telah dan akan dilakukan bagi memastikan impak penularan COVID-19 dari segi kelewatan penyiapan jajaran yang sedang dalam pembinaan dan peningkatan kos yang terlibat? Juga nyatakan jajaran-jajaran pembinaan yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak kini sedang dilaksanakan secara konvensional dengan kerjasama JKR Sarawak susulan daripada penamatan Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner Agreement – PDPA*). Sehingga bulan September 2020, status kemajuan terkini adalah 57% bagi projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak dari Telok Melano ke Miri dengan jangkaan siap sepenuhnya pada tahun 2022.

Sama seperti projek-projek Kerajaan lain, wabak Covid-19 telah memberi sedikit sebanyak kesan ke atas kemajuan kerja dan kos pembinaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembinaan masih boleh diteruskan tertakluk kepada kebenaran pihak berkuasa dan pematuhan kepada *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan.

Sehubungan itu pelbagai *mitigation plan* sedang dilaksanakan antara lainnya penyelarasan semula jadual pembinaan dan Lanjutan Masa (*Extension Of Time - EOT*) selama 84 hari bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak sebagai pemangkin pembangunan sektor sosio-ekonomi, perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut.

Sekian, terima kasih.